

# Harun lawan Nasharuddin

um- 1/6/2007

**KOTA BHARU** 31 Mei - Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Harun Taib yang sebelum ini mengelak untuk mengulas pencalonannya bertanding jawatan Timbalan Presiden parti, malam tadi mengesahkan kesediaannya berbuat demikian bagi menghargai hasrat ahli.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Manir turut mengumumkan melepaskan jawatan yang dipegangnya sejak 10 tahun lalu untuk bertanding dalam pemilihan sempena Mukhtamar Tahunan Pas ke-53 di sini, mulai esok.

Menurut Harun, beliau tidak menarik diri kerana ingin menjaga perasaan ahli-ahli dan meraikan hasrat mereka yang memberikan kepercayaan kepadanya.

"Ia bukan keputusan untuk bertanding tetapi menerima pencalonan yang dibuat oleh ahli. Pencalonan ini dilihat untuk membantu mengukuhkan parti," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mukhtamar Tahunan Dewan Ulama, di Markas Dewan Ulama (Madu) Labok, Machang malam tadi.

Ditanya sama ada ia menunjukkan ahli inginkan kepimpinan ulama yang lebih jelas dalam parti, beliau berkata:

"Itu bukan hak saya (menentukan), tetapi perwakilan, ahli-ahli yang mencalonkan saya, saya tidak tanya kenapa dicalonkan tetapi mungkin kita boleh menjawab, mungkin ada sesuatu yang perwaki-

lan hendak, tetapi saya tidak tahu," katanya.

Ditanya pandangannya terhadap Nasharuddin Mat Isa sepanjang satu penggal diberi kepercayaan oleh perwakilan menduduki jawatan Timbalan Presiden, Harun cuma berkata: "Beliau okey."

Mengenai peluangnya, Harun berkata, beliau menyerahkan kepada perwakilan untuk membuat pertimbangan.

Sementara itu, Nasharuddin juga enggan meramalkan peluangnya untuk mengekalkan jawatan setelah berjaya dalam percubaan pertamanya semasa pemilihan penggal lalu.

Beliau bagaimanapun tidak menganggap pertandingan itu sebagai suatu persoalan besar yang seo-

lah-olah membayangkan wujudnya masalah antara beliau dengan Dewan Ulama.

"Saya hanya mempertahankan jawatan. Lain-lain saya tidak tahu. Saya anggap pertandingan ini macam perlawanan persahabatan," katanya ketika diminta mengulas mengenai jawatannya yang akan dicabar oleh Harun.

Menurutnya, soal adanya perebutan jawatan kedua tertinggi yang bakal menerajui kepimpinan pada masa depan tidak akan menjejaskan keutuhan parti seperti yang dibuktikan selama ini.

"Pas telah berjaya mengurus dengan baik soal perbezaan. Pada saya, kita serahkan kepada perwakilan untuk menentukannya," katanya.